

Headline	Janamanjung: Dua dekad satu tekad		
MediaTitle	Berita Harian Ahad	Language	Malay
Date	07 Apr 2019	Readership	168,081
Circulation	56,027	Page No	7
Section	Nasional	Journalist	Azzman Abdul
ArticleSize	832 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 82,967		



## Janamanjung: Dua dekad satu tekad

• SJSAS pemangkin pertumbuhan ekonomi penduduk setempat, rancakkan pembangunan

Oleh Azzman Abdul Jamal  
azzman@bh.com.my

► Manjung

**S**epanjang 20 tahun beroperasi di pulau tebus guna, Teluk Rubiah di sini, Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah (SJSAS), bukan sahaja sudah mengubah persepsi masyarakat setempat, kononnya ia sebuah pembangunan tidak diundang, malah semakin bertakhta di hati penduduk sekitarnya.

SJSAS kini tidak terasing lagi apabila meraikan kewujudannya selama dua dekad yang kekal dengan satu tekad menyumbang kepada bangsa dan negara serta terus segar sejak pulau seluas 325 hektar itu ditebus guna pada 1998 diikuti operasi janakuasanya bermula 2003.

Lebih mesra dengan panggilan Janamanjung, ia bukan sekadar menyumbang sejumlah 4,100 MW elektrik kepada Grid Nasional, iaitu kira-kira 25 peratus penjanaan di Semenanjung Malaysia, bahkan menjadi pemangkin pertumbuhan



Shamsul bersama replika Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah, Manjung Perak.

ekonomi penduduk setempat, yang merancakkan pembangunan sebuah pekan sepi sehingga menjadi jadi bandar kecil.

### Vendor tempatan dapat faedah

Seramai 323 daripada 567 warga kerja SJSAS, iaitu 56 peratus adalah rakyat Perak dan 79 peratus daripadanya adalah penduduk asal Manjung.

Dilain samping itu, vendor tempatan mendapat faedah dalam pelbagai bentuk peluang perniagaan, termasuk perkhidmatan dan bekalan daripada SJSAS.

Seumur itu menyumbang kepada kerancakan pembangunan

setempat yang kini serba lengkap dari segi perkhidmatan, pendidikan, pentadbiran dan komersial.

Pengarah Urusan TNB Janamanjung Sdn Bhd (TNBJ), Datuk Shamsul Ahmad, berkata ketika TNBJ mula bertapak di situ pihaknya mempunyai inisiatif untuk membantu penduduk setempat dengan menawarkan peluang pekerjaan selain membina asas perniagaan kepada mereka.

"Kami mengambil 100 peratus staf kontrak yang terdiri dari penduduk Manjung sendiri dan sebanyak 200 vendor tempatan sudah berdaftar dengan TNBJ sendiri bagi menikmati peluang perniagaan yang ditawarkan di TNBJ," katanya.

gaan yang ditawarkan di TNBJ," katanya kepada BH dalam temu bual sempena ulang tahun ke-20 TNB Janamanjung.

### Pembangunan perniagaan

Sementara itu, pengusaha Bengkel kenderaan, Zulfainai Safie, 60, berkata kehadiran TNBJ secara tidak langsung turut menyumbang kepada pembangunan perniagaan dengan jumlah penduduk bertambah.

"Pelanggan kami semakin meningkat, malah disebabkan permintaan tinggi terhadap pembelian dan penyewaan rumah di kawasan ini, nilai hartanah turut meningkat," katanya yang tu-



Pelanggan kami semakin meningkat, malah disebabkan permintaan tinggi terhadap pembelian dan penyewaan rumah di kawasan ini, nilai hartanah turut meningkat"

Zulfainai Safie,  
Pengusaha Bengkel kenderaan

rut menjadi vendor kepada TNBJ.

Turut menikmati kesan limpahan ialah peniaga hasil laut, termasuk Jamilah Baharudin, 54, yang mengakui perniagaan di pekan Lumut semakin berkembang dalam tempoh 10 tahun ini berbanding awal 1990-an.

"Pembangunan kawasan ini bukan saja meningkatkan pendapatan saya, malah memberi peluang untuk saya membuka cabangan kedua daerah ini," katanya.